PRAKTIS PT3

9 Warisan Kerajaan Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan dan Perlis

Bahagian A

Pilih jawapan yang paling **tepat**.

1. Antara berikut, yang manakah benar mengenai sistem pemerintahan beraja di negeri Kelantan? (TP2)
   I Menggunakan gelaran Raja
   II Menggunakan gelaran Sultan
   III Pelantikan putera Sultan sebagai pengganti
   IV Pelantikan berdasarkan kenaikan pangkat
   A I dan II
   B I dan IV
   C II dan III
   D III dan IV

2. Apakah tanggungjawab seorang penghulu?
   A Orang perantaraan antara rakyat dengan pemerintah
   B Ketua agama Islam
   C Lambang perpaduan rakyat
   D Bertanggungjawab terhadap jajahan

3. Pada pandangan anda, mengapakah kita perlu mempertahankan sistem pemerintahan beraja di negara kita pada hari ini? KBAT Menganalisis
   A Raja ketua pemerintahan
   B Raja lambang perpaduan masyarakat
   C Raja berkuasa mutlak
   D Raja lambang kemegahan bangsa

4. Apakah tujuan istiadat pertabalan dalam sistem pemerintahan beraja? (TP4)
   A Mengiktiraf kedaulatan raja
   B Majlis penggantian raja
   C Menganugerahi Sultan darjah kebesaran
   D Memaklumi rakyat akan kedaulatan raja

5. Antara berikut, yang manakah syarat pengganti Sultan dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah Darulaman? (TP2)
   I Warganegara
   II Lelaki
   III Berketurunan raja
   IV Perempuan
   A I dan II
   B I dan IV
   C II dan III
   D III dan IV

6. *Hikayat Merong Mahawangsa* dihasilkan sekitar tahun 1821.
   Apakah isi naskhah tersebut? (TP2)
   A Maklumat jurai pemerintah Kedah
   B Pengasasan kerajaan Kelantan
   C Pengasasan kerajaan Perlis
   D Pengasasan kerajaan Kedah

7. Antara berikut, yang manakah karya persuratan yang mencatatkan sejarah pengasasan kerajaan Kelantan? (TP3)
   A *Hikayat Seri Kelantan*
   B *Detik2 Sejarah Kelantan*
   C *Syair Sultan Maulana*
   D *Salasilah Atau Tarikh Kerajaan Kelantan*

8. Keris merupakan pertukangan perhiasan di negeri Kelantan.
   Apakah nilai yang diperoleh daripada warisan tersebut? KBAT Menilai
   A Kegigihan
   B Kreatif
   C Keberanian
   D Kebijaksanaan

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

9. Antara berikut, yang manakah keunikan Adat Perpatih? (TP2)
   I Perkahwinan sesama suku
   II Jurai keturunan sebelah ibu
   III Pelaksanaan hukuman bersifat pemulihan
   IV Harta pusaka dibahagikan mengikut hukum syarak
   A I dan II
   B I dan IV
   C II dan III
   D III dan IV

10. Pelantikan pemimpin di Negeri Sembilan berdasarkan Adat Perpatih.
    Siapakah yang melantik Undang?
    A Suku
    B Luak
    C Lembaga
    D Perut

LIVEWORKSHEETS